

NEGARA ISLAM

Rencana ini ialah buah pena Profesor “Abdul Qahār Mudhakhir” ketua Universiti Islam Jogja, memberi penjelasan yang tegas berkenaan dengan dasar “Negara Islam”, undang-undangnya, kepala negara, sifat kepala negara, pemerintahannya, termasuk soal-soal ekonomi dalam Islam, politik luar negeri dan warganegara dalam sesebuah “Negara Islam” atau “Dār al-Islām”. Memandang kepada isinya yang jelas dan tegas, maka kita peturunkan di sini dari “Aliran Islam” majalah Islam Indonesia yang terkenal itu. P.P.

(Oleh Profesor “Abdul Qahār Mudhakhir)

Perkara “Dār al-Islām” ini adalah suatu perkara yang harus diselidiki dan dikerjakan oleh segolongan orang-orang yang ahli, baik daripada ulama ahli hukum, ahli pergaulan bersama, golongan orang terpelajar inilah yang akan mencurahkan segala usahanya dengan penyelidikan yang saksama. Saya katakan demikian supaya buah usaha tentang Dār al-Islām dapat sempurna hendaknya. Dan kemudian dapatlah dijadikan pedoman bagi umat Islam seluruhnya dalam mencapai cita-cita mereka dalam perjuangan sekarang ini. Saya pernah mengusulkan supaya diadakan suatu panitia yang sungguh-sungguh mengutamakan akan pekerjaan ini.

Oleh kerana itu jika huraian sahaja tentang Dār al-Islām ini kurang sempurna, sudah kebiasaan bahawa usaha ini belum dapat memuaskan. Kepercayaan sahaja sangatlah besar bahawa saudara-saudara hanyalah akan menjadikan huraian ini, sebagai pangkal usaha saudara-saudara mempelajari, menyelidiki, mewujudkan dan memperjuangkan cita-cita itu. Dalam pada itu saya selalu bersedia akan menyumbangkan tenaga saya Inshā Allāh kepada usaha saudara-saudara.

Dār al-Islām atau negara Islam dengan memohon pertolongan kepada Allah, saya mulailah di sini huraian saya.

“Dār al-Islām” itu adalah tersusun dari dua patah kata bererti: Negara Islam pada asal mulanya, perkataan

“Dār al-Islām” itu hanya pada hemah sahaja, banyaklah dipakai oleh ahli hukum Islam di dalam memperbincangkan hukum-hukum yang bersangkutan dengan adanya peperangan yang biasa terjadi pada dahulu kala di antara pihak Islam dan bukan Islam. Di sanalah dipergunakan oleh mereka perkataan “Dār al-Islām” dan sebaliknya “Dār al-Harb” yang pertama bererti suatu negeri bernegara berpemerintahan, dan berkedaulatan serta diatur pula sepanjang ajaran-ajaran Islam; dan perkataan kedua bererti sebaliknya.

Tujuannya:

Setelah kita perhatikan dengan beransur-ansur dan tumbuhnya pemerintahan dalam Islam itu. Semenjak didirikan oleh Rasulullah (SAW) di Madinah hingga sekarang, dapatlah dikatakan bahawa tujuan negara dalam Islam itu ialah mengandung dua perkara yang utama.

Pertama: Untuk melangsungkan dan meneruskan da‘wah al-Islām serta melindungi dan mempertahankan agama.

Inilah tujuan negara Islam memang berbeza tujuan pemerintahan Islam dengan pemerintahan lainnya. Tiap pemerintah umat Islam yang tidak mengajar tujuan tadi, tidak boleh kita namakan “Dār al-Islām”.

Dasarnya:

Sesuai negara yang seperti demikian tujuannya, sudah

barang tentulah mempunyai dasar-dasar yang tentu menjadi sendi dan rukun untuk hidupnya, kalau kita periksa dengan teliti dalam al-Quran, dapatlah kita ketahui akan beberapa perintah-perintah supaya kita melakukan dalam pergaulan kita dengan kemanusiaan, keadilan, permesyuaratan dan takwa kepada Allah.

Dasar-dasar ini selalu dianjurkan oleh al-Quran, hadis Nabi, serta sudah dicontohkan oleh pemimpin umat Islam yang pertama pada masa Rasulullah (SAW) dan Khulafā' al-Rāshidīn.

Undang-undangnya:

Adapun undang-undang dasar negara Islam yang untuk mengatur perihal kehidupan umat Islam, baik pun yang mengenai diri perseorangan, kekeluargaan, golongan, orang Islam, mahupun kenegaraan, maka sudahlah terdapat hukum-hukumnya dalam al-Quran. Kadang-kadang dengan cara *ijmal* (garis besar) kadang-kadang dengan cara tafsil (perinci-perincinya).

Tentang memutuskan perselisihan antara didirikan oleh Rasulullah sesudah Hijrah ke Madinah. Sendi-sendi persatuan umat telah diletakkan pada bai'ah antara Rasulullah dan sahabat-sahabatnya sewaktu di Mekah, persatuan itu diikuti dengan politik persaudaraan dan pembahagian kekayaan antara umat Islam yang telah dilakukan di Madinah pada pertama kali.

Zaman Madinah itu merupakan suatu pemerintahan yang berpemimpin dan mendapat pertunjuk dari wahyu Ilahi serta menjalankan perintah Allah, yang bersendikan di atas dasar permesyuaratan dalam suatu perkara yang tidak ada ketentuannya dalam wahyu. Demikian selama sepuluh tahun.

Pemerintahan itu bukanlah "Teokrasi" semata-mata tetapi "demokrasi" sebab pemerintah pada waktu itu tidaklah hanya diatur dengan wahyu sahaja, akan tetapi dengan buah fikiran manusia yang sudah dirundingkan lebih dahulu dalam permesyuaratan pula. Sebab sewaktu Nabi membicarakan hal-hal peperangan dan lain-lainnya, selalu bermesyuarat dengan sahabatnya. Abu Bakar, Umar adalah penasihat beliau yang

mendapat gelaran "Menteri" Nabi.

Setelah wafat Nabi bentuk pemerintahan tidaklah diwasiatkan. Oleh kerana itu umat Islam melakukan permesyuaratan untuk memilih kepada negara mereka. Pemilihan kepala negara dari yang pertama, kedua, ketiga dan yang keempat adalah berlainan caranya. Pemilihan yang pertama adalah secara langsung dan lainnya secara mengemukakan calon.

Negara yang kepala negaranya dipilih oleh dan di antara umat Islam sendiri sudah tentu negara republik yang demokrasi.

Kepala Negara

Kepala negara yang mempunyai pimpinan dan tanggungjawab dikehendaki benar oleh Islam, dan sudah terbukti pula dalam sejarah. Khalifah atau imam adalah bertanggungjawab dalam politiknya, di hadapan rakyatnya, rakyat itu bolehlah diwakili oleh orang-orang yang utama. Mereka itu dinamakan "*Ahl al-Hal wa al-'Aqad*."

Tanggungjawab pemimpin negara bukanlah hanya berkesudahan di dunia sahaja, akan tetapi ia akan dituntut pada hari kiamat. Tuntutan itu berakibat hukuman dan penghargaan, seksaan atau kebahagiaan yang kekal. Maka kalau kepala negara dapat menghindarkan dirinya dari tanggungjawab di dunia, ia tak akan luput dari tuntutan di akhirat.

Sifat-sifat Kepala Negara

Sesuai negara yang rakyatnya semuanya tahu kebanyakannya umat Islam, kepala negaranya pun sudah seharusnya dipilih daripada mereka itu sendiri, bukan lainnya.

Ertinya: Haruslah orang Islam utama yang telah menjadi warganegara umat itu. Inilah ertinya "*Awliya al-Amar minkum*".

Sifat, budipekerti dan fikiran kepala negara banyak sedikitnya telah diterangkan oleh al-Quran demikianlah pula orang yang membantu kepada negara dalam menjalankan pemerintahannya. Mereka ini hendaklah mempunyai sifat-sifat yang utama lagi mulia.

sebab mereka adalah pemimpin umat Islam yang memimpin mereka sehari-hari.

Pembantu-pembantu kepala negara itu hendaklah orang-orang yang berjiwa Islam.

Perintahnya

Negara Islam hendaklah mempunyai pemerintah yang cekap bagi menjalankan tujuan negara, pembahagian pekerjaan bolehlah diatur menurut keperluan masa dan tempat. Pemerintah hanyalah suatu persatuan yang melindungi Islam dan mensejahterakan rakyatnya. Ia bukan sahaja memelihara keamanan negeri, tetapi juga memerintahkan perintah-perintah Allah dan melarangkan larangan-larangannya. Pemerintah tidaklah yang bersyahadah, sembahyang, puasa, zakat dan haji akan tetapi memerintahkan dan mengatur, ini semuanya untuk rakyatnya.

Kementerian Pelajaran misalnya, disamping kewajibannya yang biasa, ia berkewajipan pula menjalankan dan mengatur da'wah al-Islām, mengajar dan melatih ibadat menyelenggarakan tempat-tempat ibadat, dan guru serta pemimpin-pemimpin 'ibādat. Imām, khaṭīb, mu'allim. mu'adhazan. lebai adalah guru rakyat pula.

Kementerian Kewangan berkewajipan memungut zakat, sedekah, wakaf, jizyah, dan kharaj daripada yang berkepentingan.

Kementerian Kemakmuran harus membelanjakan hasil kumpulan zakat dan lain-lain sebagainya untuk kemakmuran kehidupan rakyat.

Kementerian Kehakiman dalam mengadakan keadilan hendaklah menjadikan hukum-hukum yang sudah ada ketentuannya dalam Islam sebagai undang-undang negara. Demikianlah seterusnya.

Dasar-dasar Ekonomi Dalam Islam

Pergaulan ekonomi dalam Islam, bahawa dunia, laut, udara dan seisinya, adalah milik negara. Kecuali yang telah dimiliki oleh rakyat dengan jalan menghidupkan bumi mati pada mulanya. Bumi

yang telah dimiliki oleh rakyat dengan jalan yang sah itu boleh berlaku sesuatu aturan biasa seperti, diperjualbelikan, dipinjamkan, disewakan dan sebagainya. Pengambilan hak milik khusus (seseorang) kepada milik umum pun dibolehkan dengan jalan wakaf. Pemerintah Islam berkewajipan mengurus bumi yang semacam ini.

Hak milik menurut kerajinan seseorang berusaha, dibolehkan dalam Islam. Zakat, sedekah dan lain-lainnya, adalah cukup untuk menjamin kesejahteraan umum, harta benda yang disimpan (emas dan perak) yang diperniagakan, perusahaan yang dihasilkan semuanya itu dikenakan zakat, apabila telah cukup syarat-syaratnya. Semua sesuatu yang dikenakan zakat ini telah ada ketentuan nisabnya. Sekalipun orang Islam dapat menjadi kaya kerana usaha-usahanya, akan tetapi jaminan untuk menolong fakir miskin telah diadakan dengan adanya zakat dan lain-lain sebagainya.

Perhubungan kewangan dalam Islam hendaklah dijalankan atas dasar suka mencukai, hutang piutang bersifat kemanusiaan, menghormati hak orang lain mesti juga dengan sebaik-baiknya. Pemerasan dan kecurangan mesti dilarang. Riba yang menjadi pangkal pemerasan hak manusia dikutuk. Riba adalah pangkal kapitalisme. Inilah dasar-dasar ekonomi dalam Islam.

Politik Luar Negeri

Negara Islam bolehlah menganggap semua negara-negara di dunia ini adalah sahabat-sahabatnya. Negara Islam boleh mengadakan perjanjian-perjanjian perdamaian, perniagaan, ketenteraan dengan negeri yang bukan Islam, dengan syarat menjaga kedaulatan sendiri. Rakyat negeri ini dalam istilah Islam dinamakan "*kafir mi'āhad*". Orang yang bukan Islam yang meminta masuk ke negeri Islam kerana sesuatu yang baik, dinamakan "*Musta'man*". Rakyat yang bukan Islam dalam negara Islam dinamakan "*Ahl*

al-Thama”. Orang yang bukan Islam yang hidup dalam negara Islam haruslah tunduk kepada undang-undang negara Islam itu.

Atas dasar inilah (yang tersebut di atas) dilakukan politik luar negeri dalam Islam.

Warganegara

Warganegara “Dār al-Islām” ini ialah: Semua orang Islam dengan tidak memandang bangsa dan bahasa asal. Mereka mengakui dan tunduk kepada negara, dan mereka yang bukan Islam yang sudah turun temurun hidup dalam negara itu, atau sebangsa dengan kebangsaan penduduk Islam, atau pun mereka orang-orang asing yang minta diakui menjadi warganegara dengan syarat-syarat yang tertentu.

Ada pun sifat warganegara adalah sama. Warganegara yang bukan Islam pun diberi hak-hak yang serupa dan sama dengan Islam. Jawatan-jawatan negeri dibolehkan bagi mereka kecuali jawatan-jawatan yang menurut maslahatnya harus dipegang oleh orang Islam sendiri seperti, pamung praja.

Kerana jawatan itu, adalah merupakan pemimpin hari-hari zahir dan batik kepada umat Islam. Sebaliknya daerah yang penduduknya selain orang Islam, maka jawatan pamung praja diberikan orang-orang yang seagama dengan penduduknya itu, supaya dapat memberikan pimpinan yang baik.

Adapun kewajipan warganegara adalah sama juga, kecuali yang ketentuannya khusus bagi orang-orang Islam misalnya, zakat, sebagai gantinya mereka yang bukan Islam dikenakan (diwajibkan membayar) “jizyah” ialah pajak tahunan.

Warganegara yang bukan Islam itu hartabenda dan keselamatannya harus dijamin oleh Islam.

Untuk membentuk negara yang berdasar Islam, sebaiknya masyarakat itupun diberilah pemimpin secara Islam, supaya menjadi masyarakat Islam. Apabila masyarakat tadi, kerana banyak sedikitnya telah mendapat pimpinan dan pedoman sepanjang ajaran-ajaran Islam, maka tercapailah masyarakat Islam lambat lawannya. Ada pun yang berkewajipan memberikan pimpinan dan pedoman kepada masyarakat itu ialah pemimpin-pemimpin Islam. Pemimpin Islam hendaklah mendapat kekuasaan di dalam pemerintahan-pemerintahan supaya dapat mempergunakan pemerintahan sebagai alat untuk memberikan pimpinan dan pedoman kepada umatnya.

Kesemua ini yakni negara, kepala negara, undang-undang dasar, tujuan, pemerintah, tugas kewajipan orang-orang yang mengerjakan, rakyat dan masyarakat, apabila diatur dan berjalan menurut ajaran-ajaran Islam, maka inilah yang dinamakan “Dār al-Islām”.

Sudah terbit!

Penggal I, II

‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb oleh ‘Abdullāh Basmeh

Sila pesan kepada:

Qalam Press Limited Singapura

Sejarah Khalifah Islam yang terbilang

4 penggal tamat

Sepenggal \$1.20